

Kerajaan pertahan ekuiti dalam Proton

BH 7 JUL 2001

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Badrila Jamlus

KERAJAAN tidak akan menjual keseluruhan ekuiti Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) kepada syarikat asing untuk mempertahankan kepentingan tempatan dalam industri automotif negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika terpaksa jual, kerajaan hanya akan menjual sebahagian daripada ekuiti itu.

“Sekarang jika boleh kita halang, ya... kita akan halang. Jika kita terpaksa (jual), ia bukan penjualan 100 peratus. Proton memang mahu rakan teknologi yang baik,” katanya pada sidang media selepas melawat kilang Proton di Shah Alam semalam.

Pada majlis itu Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan turut memeriksa dan meluluskan model Waja 1.6 liter ke-40,000. Beliau tu-

“Kerajaan menganggap ekuiti Proton tidak perlu dijual kepada orang asing kerana ia adalah lambang kejayaan negara mengeluar dan bersaing di pasaran dunia”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

rut memandu uji Waja menggunakan enjin buatan Proton.

Turut hadir Presiden Petroliam Nasional Bhd (Petronas), Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Ketua Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan cuba sedaya upaya mengelak daripada ditelan gergasi automotif kerana ketika ini tidak banyak lagi pengeluar kereta beroperasi kerana sudah dibeli oleh gergasi terbabit.

Dalam ucapannya Perdana Menteri turut menyentuh mengenai soal ekuiti itu. Beliau berkata, kerajaan menganggap ekuiti Proton tidak perlu dijual kepada orang asing

kerana ia adalah lambang kejayaan negara mengeluar dan bersaing di pasaran dunia.

Sambil melahirkan rasa syukur, Dr Mahathir berkata, Malaysia yang suatu ketika dulu terpaksa membeli kereta dari United Kingdom, tetapi kini negara sudah menguasai pengeluaran sehingga berjaya mereka bentuk kereta canggih.

“Ini menunjukkan kita boleh menguasai semua teknologi kalau mahu menguasainya. Pekerja Malaysia tidak kurang cekap berbanding pekerja Jepun yang mampu menguasai teknologi dan reka bentuk kereta canggih,” katanya.

Dr Mahathir berkata, daripada kereta yang mempunyai hampir 80

peratus kandungan asing, kereta Proton kini direka bentuk, diuji dan dikeluarkan di dalam negara hampir keseluruhannya oleh rakyat Malaysia.

Pada sidang media itu, Perdana Menteri turut ditanya bila Proton akan mula beroperasi di Bandar Proton di Tanjung Malim, Perak. Beliau berkata Proton sedang mengkajinya. Jika kilang di Shah Alam tidak mampu menampung pengeluaran kereta nasional ia akan beroperasi di Tanjung Malim.

Sebelum ini, Proton bercadang mengeluarkan model kereta baru di kawasan kilang seluas 1,600 hektar di Tanjung Malim.

Bagaimanapun, cadangan itu ditangguhkan pada Januari 1998 ketika kelembapan ekonomi.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Proton, Tengku Mahaleel berkata, Proton berhasrat berpindah ke Tanjung Malim, khususnya bagi pengeluaran model baru syarikat berkenaan.